

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Kerajaan anggap dakwaan pihak tertentu kawal kelulusan lesen sebagai serius

Siasat pusat dialisis dikuasai kartel

Oleh SAHLIZAH MOHAMED
 dan AFIQ AMANI NAHDIRSHA

Sidang
 Dewan Rakyat



HILMI



SEORANG pesakit sedang menjalani rawatan dialisis di sebuah pusat hemodialisis di Wengsa Maju, Kuala Lumpur. - Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan memandang serius dakwaan bahawa terdapat penyelewengan dalam pengeluaran lesen pusat dialisis swasta sehingga dikatakan dikawal secara kartel serta menjadi 'lubuk emas' pegawai yang menguruskan kelulusan lesen tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya menyifatkan perkara itu sebagai satu pertuduhan yang berat kerana jika benar berlaku ia boleh menjejaskan perkhidmatan pusat dialisis kepada pesakit yang memerlukan rawatan.

"Urusan lesen ini di bawah Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Kementerian Kesihatan. Kita akan siasat perkara ini," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Dr. Siti Mariah Mahmud (Amanah-Kota Raja) yang mendakwa ada pusat dialisis sukar membuat permohonan atau memperbaharui lesen berpunca daripada sikap pegawai terabit yang sengaja menimbulkan masalah birokrasi.

Siti Mariah mendakwa, pengusaha perkhidmatan pusat dialisis turut mengadu bahawa urusan permohonan dan pembaruan lesen itu seolah-olah dikawal secara kartel kumpulan tertentu serta menjadi 'lubuk emas' hingga berlaku pusat dialisis terpaksa beroperasi menggunakan lesen tamat tempoh.

Mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, berkuat kuasa pada 1 Mei 2006, semua

pusat hemodialisis swasta perlu mempunyai lesen dan perakuan kelulusan menubuhkan atau menyenggarakan perkhidmatan itu sebelum dibenarkan beroperasi.

Pusat hemodialisis swasta yang beroperasi tanpa lesen boleh didenda sehingga RM300,000 atau enam tahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Terdahulu Hilmi memberitahu, sehingga kini, terdapat 40,000 rakyat di negara ini berdepan dengan masalah kegagalan buah pinggang berbanding seramai 32,000 orang pada 2015.

Katanya, jumlah pesakit tersebut meningkat setiap tahun antara 6,000 sehingga 7,000 orang.

"Tahun ini kerajaan menyedikan peruntukan RM40 juta

termasuk pemberian geran sebanyak RM200,000 kepada pusat hemodialisis swasta serta pertubuhan bukan kerajaan bagi menggalakkan lebih banyak pusat perkhidmatan itu dibuka untuk menampung keperluan rawatan pesakit buah pinggang," jelasnya. Sementara itu, kepada soalan

asal Datuk Hasbullah Osman (BN-Gerik), Hilmi berkata, menteriannya sedang berusaha memperluas kaedah rawatan 'Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis' (CAPD) yang boleh dilakukan pesakit buah pinggang di rumah sebanyak tiga kali sehari.